

SOALAN LAZIM BORANG E

PERTANYAAN AM

S1: Syarikat saya baru memulakan perniagaan dan mempunyai beberapa orang pekerja yang mana pendapatan mereka kurang daripada RM1000 sebulan. Perlukah saya mendaftarkan fail Majikan (“E”) untuk syarikat ini di LHDNM?

J1: Ya. Syarikat tuan perlu mendaftarkan fail Majikan sekiranya mempunyai pekerja. Pendaftaran fail Majikan tidak mengambilkira bilangan pekerja dan jumlah pendapatan yang diperolehi oleh mereka. Seksyen 83 (1) hingga (5) Akta Cukai Pendapatan 1967 telah menggariskan tanggungjawab-tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh setiap Majikan.

S2: Bagaimana dan di mana saya boleh berurusan untuk mendaftarkan fail Majikan ini?

J2: Tuan perlu hadir ke pejabat LHDNM yang berhampiran dengan alamat syarikat tuan dengan membawa bersama salinan fotostat dokumen-dokumen yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftaran Perniagaan (Borang A , D) atau (Borang 9, 13, 24, 49) daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta mengisi borang permohonan pendaftaran fail Majikan iaitu Borang CP600E.

S3: Bolehkah Borang permohonan Pendaftaran fail Majikan diperolehi dari portal rasmi LHDNM ?

J3: Borang Permohonan Pendaftaran Fail Majikan boleh di muat turun daripada portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my > Borang > Borang Nyata > Pendaftaran.

S4: Syarikat saya telah mempunyai nombor fail Majikan. Walau bagaimanapun, baru-baru ini saya telah menukar nama syarikat. Perlukah saya mendaftar nombor fail Majikan yang baru ?

J4: Tuan tidak perlu mendaftar fail Majikan yang baru jika status perniagaan tidak berubah. Tuan hanya perlu mengemukakan salinan fotostat dokumen pertukaran nama seperti Borang A, D atau Borang 13 yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftaran Perniagaan atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sahaja kepada LHDNM.

S5: Adakah pekerja kontrak dan sambilan diambilkira sebagai bilangan pekerja untuk dilaporkan di dalam Borang E?

J5: Ya, pihak tuan perlu melaporkan kerana syarikat tuan adalah majikan bagi pekerja tersebut dalam tahun berkenaan.

S6: Bolehkah syarikat baru yang belum mendaftar fail majikan menghantar Borang E?

J6: Tidak boleh. Majikan perlu mendaftar fail majikan terlebih dahulu sebelum menghantar Borang E.

S7: Apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya perniagaan milikan tunggal / perkongsian yang tidak beroperasi(dorman) tetapi telah menerima Borang E?

J7: Tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- ✓ Borang E yang diterima itu perlu dilengkapi dan ditandatangani.
- ✓ Isikan "0" di Bahagian A dan Bahagian B Borang E.

S8: Apakah layanan pengemukaan Borang E bagi Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi yang dormant dan / atau yang belum menjalankan perniagaan?

J8: Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi yang dormant dan / atau yang belum menjalankan perniagaan, hendaklah mengemukakan Borang E mulai Tahun Taksiran 2014. Jika syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi masih belum mempunyai nombor majikan, pendaftaran fail majikan hendaklah dilakukan.

S9: Apakah yang dimaksudkan dengan nama majikan, sama ada nama tuan punya perniagaan atau nama perniagaan/syarikat yang telah didaftarkan di Pejabat Pendaftaran Perniagaan / Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)?

J9: Nama yang dimaksudkan itu ialah nama perniagaan/syarikat yang didaftarkan oleh Pejabat Pendaftaran Perniagaan / Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Contoh :-

Nama tuan punya perniagaan: Ali bin Ahmad.

Nama yang didaftarkan oleh Pejabat Pendaftaran Perniagaan: Ali Enterprise.

Nama majikan yang perlu diisi dalam Borang E : ALI ENTERPRISE.

S10: Perlukah saya memasukkan tanda "-" semasa mengisi kotak nombor rujukan E?

J10: Tidak perlu.

Contoh pengisian kotak seperti berikut :- **No. E: 1234567-08**

E 0 1 2 3 4 5 6 7 0 8

S11: Di manakah boleh didapati maklumat Kod Status bagi majikan?

J11: Maklumat kod status majikan boleh dirujuk di dalam Nota Penerangan Borang E.

S12: Apakah yang dimaksudkan dengan “berkomputer“ dalam Kod Status Majikan ?

J12: Berkomputer bermaksud Borang EA / EC yang digunakan oleh majikan adalah cetakan berkomputer sendiri dan bukan daripada borang yang disediakan oleh LHDNM. Kebiasaannya digunakan oleh syarikat yang mempunyai sistem 'payroll' dan bilangan pekerjaanya adalah ramai.

S13: No. K/P (Baru / Lama) dan No. Passport siapakah yang perlu diisikan di ruangan 5 dan 6 di dalam Borang E?

J13: No. K/P (Baru / Lama) dan No. Pasport hanya perlu diisi oleh Ahli Kongsi Utama atau Pemilik Perniagaan Tunggal sahaja. Bagi kes Syarikat, Koperasi, Persatuan / Pertubuhan, ruangan ini tidak perlu diisi.

S14: Apakah yang dimaksudkan dengan bilangan pekerja baru di A3?

J14: Bilangan pekerja baru yang dimaksudkan ialah jumlah bilangan pekerja yang mula bekerja daripada tempoh 1 Januari hingga 31 Disember tahun saraan yang berkenaan.

S15: Dari tempoh manakah perlu diambilkira jumlah bilangan pekerja yang berhenti di ruangan A4 ?

J15: Tempoh yang perlu diambilkira bagi menentukan bilangan pekerja yang berhenti ialah daripada 1 Januari sehingga 31 Disember tahun saraan yang berkenaan.

**C.P. 8D : MAKLUMAT MENGENAI POTONGAN CUKAI DI BAWAH KAEDAH-
KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN DARIPADA SARAAN) 1994**

S16 : Apakah yang dimaksudkan dengan Jumlah Saraan Kasar (termasuk manfaat berupa barangan dan manfaat nilai tempat kediaman tetapi tidak termasuk tunggakan saraan kasar tahun-tahun terdahulu) di bahagian E.

J16: Jumlah saraan kasar yang dibayar dalam tahun saraan yang berkenaan termasuk bonus, manfaat berupa barangan dan manfaat nilai tempat kediaman tetapi tidak termasuk tunggakan saraan kasar tahun-tahun terdahulu yang diterima dalam tahun saraan yang berkenaan.

S17: Apakah elaun atau perkuisit yang dikecualikan cukai seperti di bahagian F?

J17: Sila rujuk Senarai Elaun / Perkuisit / Pemberian / Manfaat Yang Dikecualikan Cukai di dalam Nota Penerangan Borang E.

S18: Apakah amaun yang perlu dimasukkan ke dalam bahagian G ?

J18: Jumlah PCB yang telah dipotong dan diremitkan ke LHDNM dalam tahun saraan yang berkenaan.

S19: Apakah amaun yang perlu dimasukkan di bahagian H?

J19: Jumlah potongan cukai yang telah dibuat mengikut arahan Potongan Gaji dalam CP 38.

S20: Apakah kriteria pekerja yang perlu dimasukkan di penyata C.P 8D?

J20: Pekerja yang mempunyai saraan kasar tahunan melebihi RM34,000 setahun atau saraan kasar tahunan kurang RM 34,000 tetapi saraan kasar bulanan melebihi RM2,800 dan ke atas (termasuk bonus) bagi mana-mana bulan dalam tahun saraan yang berkenaan.



S21: Bagaimanakah jika penyata C.P 8D tidak mencukupi?

J21: C.P 8D boleh diperolehi dan dimuat turun dari portal rasmi LHDNM www.hasil.gov.my .

S22: Sekiranya majikan telah menghantar data praisi, adakah majikan masih perlu menghantar CP8D?

J22: Tidak perlu. Data praisi yang dihantar akan dianggap sebagai CP8D



BORANG EA & EC : PENYATA SARAAAN DARIPADA PENGGAJIAN

S23: Adakah bayaran zakat yang dibayar sendiri oleh pekerja boleh dimasukkan di ruangan “potongan zakat yang dibayar kepada pihak berkuasa pemungut zakat” dalam Borang EA/EC ?

J23: Zakat yang dibayar sendiri tidak boleh diambil kira di dalam ruangan tersebut. Zakat yang dibayar melalui potongan gaji oleh majikan sahaja yang perlu dimasukkan.

S24: Bagaimanakah cara melaporkan bonus atau yuran pengarah yang dibayar dalam tahun saraan yang berkenaan?

J24: Bonus atau yuran pengarah yang dibayar perlu dilaporkan sebagai pendapatan pengajian tahun ianya dibayar.

S25: Siapakah yang layak untuk mengisi ruangan nama pegawai di dalam Borang EA?

J25: Orang yang diberi kuasa oleh pihak majikan untuk menyediakan Borang EA.

Disediakan oleh:

Jawatankuasa Pengemaskinian Soalan Lazim dan Pangkalan Ilmu
Pusat Khidmat Pelanggan
Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Januari 2015